

Pegawai, k-tangan kerajaan perlu memanfaatkan kegunaan e-mail

OLEH OLI CHONG
oli@newsabaitimes.com.my

KOTA KINABALU: Pegawai dan kakitangan kerajaan yang masih belum memanfaatkan kegunaan e-mail diseru mengambil inisiatif menggunakannya demi mempermudah dan mempercepatkan segala urusan seharian.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Yahya Hussin berkata, pentadbiran awam pada masa ini tidak boleh lari daripada ledakan ICT yang juga menjadi cabaran kepada semua selaku penjawat awam dimana pada masa sama dapat memudahkan banyak urusan seharian.

Yahya yang juga Menteri Pertanian Dan Industri Makanan berkata demikian ketika pada Majlis Perasmian Seminar ICT 2013 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang bertemakan 'Pemantapan Peranan Penjawat Awam Melalui ICT', di sini, kelmarin.

"Pegawai atau kakitangan yang masih belum memanfaatkan kegunaan emel, diharap dapat mengambil inisiatif menggunakannya kerana ia sangat banyak membantu memudahkan dan mempercepatkan urusan seharian kita.

"Fenomena globalisasi yang digerakkan oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi menjadikan formula kejayaan lampau seperti pergantungan kepada Mesin Taip, Juru Taip, Telegram, Surat Khabar tidak lagi digunakan sepenuhnya sebagai alat pentadbiran.

"Kejayaan pengurusan gaya baru bergantung kepada pertarungan minda dan kemahiran dalam menguasai maklumat dan teknologi ICT," jelasnya.

Yahya pada masa sama turut memberitahu, penggunaan e-mail itu yang telah dimulakan pada tahun 2000 ketika kerajaan negeri mula menggunakan Aplikasi Kerajaan Elektronik di mana aplikasi pertama yang telah dilancarkan ialah pemakaian aplikasi Sistem Maklumat Sumber Manusia atau ringkasnya SM2.

Aplikasi ini kemudiannya diikuti dengan Sistem e-Cuti. Setiausaha Kerajaan Negeri (SKN) pada ketika itu juga mula menekankan penggunaan emel melalui rangkaian Sabah.net di mana semua ketua jabatan disarankan berkomunikasi dengan SKN melalui emel.

"Latihan berterusan telah diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri kepada ketua-ketua jabatan dan juga para pentadbir di semua peringkat secara berterusan.

"Amatlah membanggakan apabila kita mendapat maklumat bahawa penggunaan mel elektronik telah digunakan secara meluas oleh semua peringkat pegawai.

"Perkembangan ini telah banyak memudahkan urusan komunikasi kita untuk melicinkan pentadbiran Kerajaan Negeri kepada rakyat," ujar beliau.

Tambahan pula, katanya, ketika ini telah dibangkitkan penekanan terhadap konsep "Green IT" yang menuju ke arah mesra alam sekitar.

"Konsep "Green IT" ini cuba meminimalkan pencemaran alam dan juga memulihara sumber asli kertas di mana mencetak maklumat hanya dilakukan apabila perlu sahaja.

"Berkurangnya pencetakan dan penggunaan kertas akan sedikit sebanyak membantu kerajaan menjimatkan peruntukannya dalam pembelian stationeri dan kelengkapan alat tulis pejabat," ujar Yahya.

Menurutnya, pada masa kini, kreativiti dan inovasi ICT bukan sahaja mempengaruhi sis-

tem pengurusan malah dalam pelbagai bidang, termasuklah urusan perdagangan, rawatan kesihatan, penciptaan peluang pekerjaan, pendidikan yang kini berperanan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi dunia.

Selain itu, beliau turut menegaskan perkara utama yang perlu diberikan perhatian ialah berkaitan dengan keselamatan ICT.

"Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah menyediakan satu dasar iaitu Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri (DKICT) untuk dipatuhi oleh semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.

"Pematuhan kepada dasar ini adalah sangat penting sebagai langkah mengelakkan berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini seperti serangan virus dan aktiviti pencerobohan maklumat oleh penggadam (hacker).

"Saya suka menyarankan agar Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer - CIO) dan Pegawai Keselamatan ICT (ICT Security Officer - ICTSO) MAFI, jabatan dan agensi di bawahnya memastikan arahan ini dipatuhi sepenuhnya kerana "Mencegah adalah lebih baik dari membaikpulih", jelasnya.

Jelasnya, "Internet juga sering disalahgunakan oleh sebahagian kumpulan yang tidak bertanggungjawab untuk memburuk-burukkan sistem pentadbiran kerajaan melalui pasukan Cyber Trooper sepertimana yang berlaku semasa Pilihanraya Umum ke 13 yang baru lalu.

"Bagi menangani gejala ini, Ketua Menteri menyarankan agar setiap kementerian mewujudkan Cyber Trooper bagi membalas balik tomanan yang diberikan kepada kementerian dengan fakta-fakta yang sebenar. Untuk itu Pegawai Aduan Awam kementerian haruslah memainkan peranan sewajarnya bagi menangani perkara ini," katanya.

Seminar sehari itu disertai oleh kira-kira 500 kakitangan MAFI, Jabatan dan Agensi dibawahnya.

Turut hadir adalah, Pembantu Menteri I MAFI, Datuk Sairin Karno, Pembantu Menteri II MAFI, Datuk Musbah Haji Jamli, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Dr. Hj. Minggu Jumaan dan Setiausaha Tetap MAFI, Datuk Hj Ujang Sulani.



CENDERA HATI...Yahya (tiga kanan) menerima cendera kenangan dari Ujang ketika acara tersebut diperhatikan oleh Minggu (kanan) dan Sairin (dua kanan).